

No. Sebutharga : MPHTJ/S15/JKP/2017/2

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

MajlisPerbandaran Hang Tuah Jaya
SF-01, Aras 2, Kompleks Melaka Mall,
Jalan Tun Abdul Razak - Lebu Ayer Keroh,
Hang Tuah Jaya, 75450, Ayer Keroh Melaka

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Simpanan
1	PAM SUBMERSIBLE	1	-
2	WATERJET	1	-
	JUMLAH	2	-

2. Syarikat atau orang perseorangan adalah diwajibkan untuk hadir ke lawatan tapak bagi melihat aset tersebut pada **10 Ogos 2017 (Khamis) jam 9.00 pagi**. Lokasi berkumpul adalah di **Aras G, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Melaka**. Kenderaan tidak disediakan bagi lawatan tapak tersebut.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-25) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari. Harga borang sebut harga adalah RM 25.00 dan pembayaran adalah secara tunai.

4. Segala butir dan dokumen boleh didapati di Jabatan Khidmat Pengurusan Aras 2 Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Melaka semasa waktu pejabat seperti berikut:-

Hari	Masa
Isnin - Khamis	9.00 pagi – 12.30 tengahari 2.30 petang – 4.00 petang
Jumaat	9.00 pagi – 12.30 tengahari 3.00 petang – 4.00 petang

Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebutharga **MPHTJ/S15/JKP/2017/2** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di hadapan

dialamat:-

**Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
SF-01, Aras 2, Kompleks Melaka Mall,
Jalan Tun Abdul Razak - Lebuah Ayer Keroh,
Hang Tuah Jaya, 75450, Ayer Keroh Melaka**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **16 Ogos 2017 (Rabu) jam 12.00 tengahari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

**“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG FASA II’
“BERKAT, TEPAT, CEPAT”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“HANG TUAH JAYA-BANDARAYA PINTAR”**

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan dan harga termasuk GST.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM 5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk wang pos atau draf bank sahaja atas nama **MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA**.
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.